

CNS9449

R GB 11-12 00169 BH523

Bah

Mahathir - Seni

HASIL ARTIS DAN SENIMAN TEMPATAN SUDAH BOLEH DIBANGGAKAN, KATA PM
KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata perkembangan 'kesenian tempatan pada umumnya sudah boleh dibanggakan serta memuji para artis dan seniman tempatan kerana mampu menghasilkan karya dan lukisan yang bernilai tinggi.

Perdana Menteri berkata, hasil artis dan seniman tempatan mempunyai nilai yang tinggi kerana ia adalah sebahagian daripada ciptaan yang mencerminkan budaya negara.

+Ciptaan seperti ini merupakan satu dimensi budaya kita yang akan dibawa daripada satu generasi ke generasi yang lain.

+Ini adalah warisan tradisi kita yang mencerminkan pencapaian masyarakat Malaysia di satu-satu masa, + katanya semasa melancarkan Muzium dan Yayasan Kebudayaan Ibrahim Hussein (IHMC) di sini.

IHMC yang berharga RM10 juta itu melibatkan penubuhan sebuah muzium di atas tanah seluas 18 hektar di Langkawi.

Justeru itu, kata Perdana Menteri, budaya tempatan perlu dicorak dan dibentuk supaya memperlihatkan identiti negara yang unik dan tersendiri. --
Lagi

▼11/12/23-30MST

CNS9450

R GB 11-12 00137 BH524

Bah

Mahathir - Seni 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, adalah penting supaya seseorang individu itu digalakkan meningkat dan mengembangkan hasil kesenian dan budaya tempatan.

+Individu yang kreatif di antara artis-artis tempatan harus diberi peluang bukan sahaja untuk menghasilkan dan membentuk karya mereka, tetapi lebih penting mereka harus diberi tempat yang sesuai untuk berinteraksi sesama sendiri dan dengan artis dan seniman di peringkat antarabangsa, + kata beliau.

Perdana Menteri berkata dengan tertubuhnya muzium ini, para artis tempatan yang berbakat berpeluang berinteraksi dan mencari ilham dalam bidang lukisan.

Dr Mahathir berkata: +Contoh yang gemilang dalam lapangan seni lukis dapat dilihat daripada pencapaian Ibrahim Hussein sendiri. +

+Jika kita hendak mengambil tempat yang wajar di dalam dunia moden, maka kita patutlah menggalakkan perkembangan kesenian yang dinamik dan segar, + katanya.

--Lagi

▼11/12/23-32MST

CNS9451

R GB 11-12 00135 BH525

Bah

Mahathir - Seni 3 (Akhir) Kuala Lumpur ..

+Daripada segi ini, kita sudah mempunyai bakat-bakat yang baik. Yang diperlukan ialah sokongan yang tidak berbelah bagiterutamanya daripada sektor swasta,+ kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata interaksi di antara ahli-ahli seni dan artis tempatan dan antarabangsa penting dalam usaha meningkatkan lagi daya dan imej seniman tempatan serta memperkenalkan mereka kepada masyarakat antarabangsa.

+Saya percaya negara kita akan dapat menggunakan hubungan dan persahabatan beliau (Ibrahim Hussein) bagi memperkenalkan Malaysia amnya dan Pulau Langkawi khususnya , + ka tanya .

Dr Mahathir berkata, kemajuan negara tidak sahaja melibatkan pembangunan ekonomi dan sosial malah seharusnya meliputi perkembangan b u d a y a .

Justeru itu, kata beliau; penubuhan IHMCF seharusnya mendapat sokongan semua pihak memandangkan ia adalah selaras dengan hasrat untuk menjadi negara maju.

-- Bernama

▼11/12/23-35MST